



10 individu dituduh di mahkamah palsukan sijil vaksinasi

[Suraya Roslan](#)

suraya@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

Kuala Lumpur: Seorang individu sudah dijatuhi hukuman penjara manakala sembilan yang lain dituduh di mahkamah atas pertuduhan memalsukan sijil vaksinasi, setakat hari ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said berkata, berdasarkan pecahan mengikut negeri, 10 individu berkenaan membabitkan seorang individu di Kelantan, Melaka (dua), Sarawak (empat), Perak (satu) dan Sabah (dua).

"Seorang individu yang didapati bersalah adalah di Sarawak, di mana mahkamah sudah memberikan sabitan dengan hukuman penjara," katanya pada sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Shaharizukirnain Abd Kadir (Pas-Setiu) mengenai jumlah individu dikenakan tindakan kerana memalsukan sijil suntikan vaksin serta adakah bercadang menggunakan mekanisme tandatangan digital.

Berhubung cadangan menggunakan tandatangan digital, Ismail berkata, pihaknya percaya Menteri Kesihatan akan meneliti perkara itu bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) bagi memastikan sijil vaksinasi tidak dapat dipalsukan.

Trending



['Bantulah saya, mudahkan permit pekerja asing' - Rubiah Suparman](#)



[Kambing kacau tidur, Ronaldo pindah rumah](#)



[Lima individu mahu ke Langkawi positif Covid-19](#)



['Saya menyelam beberapa kali dengan harapan adik ditemui'](#)



[Pergi daftar nikah, Azaria Tagaya dan suami terus selamat bernikah](#)

Ad removed. [Details](#)

Ismail turut menjawab soalan lisan Shaharizukirnain yang mahu kementerian menyatakan tindakan yang akan dikenakan ke atas golongan yang memalsukan sijil suntikan vaksin.

"Kita sentiasa komited dalam memastikan sebarang pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) diambil tindakan tegas bagi membendung penularan wabak Covid-19.

"Bersabit dengan tindakan yang akan dikenakan ke atas golongan yang memalsukan sijil suntikan vaksin, langkah-langkah bagi mengatasi perkara ini serta tindakan undang-undang atas kesalahan ini boleh diambil di bawah seksyen 22 (d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," katanya.

Menurutnya, selain itu, tindakan kompaun boleh dikenakan dengan serta-merta sekiranya mereka didapati bersalah bagi menjimatkan masa dan meningkatkan kesedaran masyarakat.


"Pada masa sama, siasatan lanjut boleh dijalankan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada iaitu sama ada di bawah Akta 342 atau Kanun Keseksaan," katanya.

DEWAN RAKYAT | Sidang Tumpu Isu Sijil Vaksin & Doktor K...



Disiarkan pada: September 15, 2021 @ 12:08pm

Artikel Berkaitan



Mutakhir



[76.8 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi Covid-19](#)



[MA63: Sabah hargai komitmen kerajaan persekutuan](#)



[Wanita rayu pakar kenal pasti, rawat penyakit](#)



[Pahang sedia laksana gelembung pelancongan](#)



[Agong, Permaisuri adakan lawatan khas ke UK mulai hari ini](#)




[Wanita maut tercampak keluar dari kenderaan](#)

MyResipi



[Cara Buat Kek Milo 3 Bahan, Tak Guna Tepung Tapi Tetap Gebu & Lembut!](#)



[Tak Suka Makan Daging? Jom Cuba Ayam Meraung Bakar Thai Ini!](#)